

Singapura berjaya kerana 'nasib, sejarah dan kepimpinan yang baik'

Nur Adilah Mahbob
Berita Harian, 4 July 2015

SISTEM politik Singapura kekal berterusan dikuasai satu parti, walaupun ini mungkin agak luar biasa bagi ekonomi maju, kerana ia sebuah sistem yang memberi manfaat kepada semua, ujar Perdana Menteri Lee Hsien Loong kelmarin.

Tidak seperti banyak pemerintah lain di mana dasar-dasarnya dilakar bagi golongan tertentu, pemerintah Singapura menganggap tugasnya ialah "menjaga seberapa ramai penduduk yang mungkin, sedang pada masa sama, memberikan orang ramai insentif untuk mengundi pemerintah ini, agar mereka mendapat beberapa faedah daripadanya," kata Encik Lee.

"Saya mempunyai gabungan (penduduk) pelbagai kaum tetapi saya mempunyai campuran di mana semua orang mendapat manfaat daripada sistem itu, di mana setiap orang mempunyai kepentingan dan dapat melihat bahawa ia mendatangkan faedah kepada kita. Dan ia telah kekal setakat ini," kata beliau.

Semasa berucap di dialog yang dihoskan penulis pojok akhbar Washington Post, Dr Fareed Zakaria, dalam satu persidangan **Institut Pengajian Dasar** (IPS) bertema Singapura Pada 50 Tahun: Apakah Masa Depannya?, Encik Lee menolak pendapat Encik Fareed yang menyifatkan Singapura sebagai satu-satunya negara maju di dunia yang belum beralih kepada demokrasi liberal berbilang parti.

"Sistem kami ialah sistem demokrasi liberal berbilang parti," kata Encik Lee. "Hasilnya bukan apa yang anda mahu lihat, tetapi itulah yang pengundi Singapura telah putuskan."

Namun beliau berkata Parti Tindakan Rakyat (PAP) tidak mengabaikan politik sepenuhnya: "Jika kita mengambil pandangan bahawa jika anda mengundi menentang saya, maka saya akan membantu anda dahulu (memandangkan) ia menunjukkan besarnya semangat saya, maka saya rasa anda akan pupus sebagai pemerintah."

Dalam dialog sejam yang diadakan pada permulaan sidang dua hari mengenai masa depan pasca jubli Singapura, Encik Lee teguh mempertahan kekangan undang-undang Singapura berhubung perbuatan memfitnah, dan kesalahan melibatkan kaum dan agama.

Ketika ditanya Dr Fareed apakah Singapura perlu mendakap "budaya tidak menghormati" untuk menjadikan ekonominya lebih rancak, Encik Lee menjawab bahawa anarki tidak menjamin kecemerlangan - dan Singapura tidak begitu tersusun seperti mana yang difikirkan orang luar.

"Saya menghabiskan enam jam di mahkamah. Jika tempat ini amat teratur, perlukah saya berbuat demikian?" kata Encik Lee, diiringi tawa sekitar 640 hadirin di Hotel Shangri-La. Sehari sebelum itu, Encik Lee disoal balas selama enam jam oleh penulis blog Roy Ngerng, yang disaman Encik Lee kerana memfitnah beliau.

Kemudian, apabila seorang peserta mengkritik layanan buruk yang dikenakan terhadap Encik Ngerng, dan remaja Amos Yee, yang didapati bersalah memuat naik imej lucu serta membuat kenyataan dengan tujuan menyinggung perasaan penganut Kristian, Encik Lee berkata Singapura mempunyai had bagi kebebasan bersuara, sama seperti banyak negara lain.

"Anda boleh berkata dan membincangkan apa saja yang anda suka, tetapi anda tidak boleh memfitnah sesiapa sahaja sesuka hati anda," ujar beliau. "Jika anda tidak dapat memperbetulkan fitnah, bagaimana saya boleh membersihkan nama saya apabila seseorang memfitnah saya?"

Meskipun dengan fabrik pelbagai kaum pada zaman moden Singapura, sensitiviti kaum dan agama tidak akan lenyap, kata Encik Lee.

"Anda boleh menyinggung perasaan walaupun tanpa niat, oleh itu apabila anda berniat menyinggung perasaan, saya fikir kita harus bertindak terhadapnya," kata beliau.

Encik Lee menambah bahawa warga muda Singapura tidak kekurangan semangat dan keinginan seperti nenek moyang mereka, tetapi mereka kurang memahami betapa bangsa dan agama kekal rentan di negara ini.

"Masalah ini belum hilang. Agama kini lebih menonjol (dan) semua orang lebih sedar akan jati diri mereka," kata beliau.

Serangan pengganas juga akan menghancurkan Singapura, kerana syak wasangka dan rasa gentar yang dihasilkannya akan mengubah interaksi rakyat antara satu sama lain bagi tempoh lama, tambah beliau.

Menyifatkan kejayaan Singapura ekoran "nasib baik, sejarah baik dan kepimpinan baik", Encik Lee mengakui bahawa pemerintah berasa "bimbang sepanjang masa (hingga) orang kata kita ini terlalu curiga".

Namun, kejayaan yang dicapai Singapura yang kecil ini "satu keadaan luar biasa sepenuhnya".

"Dan ia sesuatu yang kami harus bersyukur, jika tidak setiap hari, setiap pilihan raya!"

"Anda boleh tanya bagaimana di negara Barat sebuah pemerintah yang memenangi 30 peratus undian boleh jadi pemerintah. Ia berlaku. Sistem (di Singapura) adalah berdasarkan pilihan raya (electoral system), sebuah sistem yang bertujuan memberi sebuah pemerintah yang stabil dan berkesan kepada negara. Ia tidak bertujuan memberi sebuah parlimen dengan perwakilan berkadar (proportional representational)."

- PM Lee mengenai bagaimana PAP kini memegang 80 kerusi di Parlimen, meskipun hanya memenangi 60 peratus undian di pilihan raya umum lalu.

"Agama menjadi lebih menonjol di dunia dan di Singapura. Orang ramai lebih sedar mengenai jati diri mereka. Kehadiran di gereja kini di tahap paling tinggi. Pada hari minggu, susah nak cari dewan yang kosong, di gereja dan di tempat lain. Orang Islam memandang serius agama mereka di Singapura, berbanding suku atau setengah abad lalu. Ini adalah garis yang telah dilakar dengan jelas, dan kecuali anda berusaha... menyatupadukannya, ia boleh memecahbelahkan."

- PM Lee mengenai isu kaum dan agama di Singapura.